

Etimologi Nama dan Makna Saroh (Yarang, Pattani) Berdasarkan Konsep Linguistik Perbandingan

Ethymology of the Name and Meaning of Saroh (Yarang, Pattani) Based on the Concept of Comparative Linguistics

ROHANI POOTEH, KARIM HARUN*, MASLIDA YUSOF & JAMES T. COLLINS

ABSTRAK

Bahasa Melayu tergolong dalam rumpun bahasa Austronesia. Namun, terdapat sebilangan kata yang dipengaruhi bahasa rumpun Austroasia, iaitu Mon-Khmer. Berdasarkan sejarah, kumpulan Austroasia sudah menduduki Semenanjung Melayu sejak empat ribu tahun lalu, sekurang-kurangnya seribu tahun sebelum kedatangan bangsa Austronesia (Bellwood 1997). Oleh itu, dapat difahamkan bahawa sejak zaman purba lagi Asia Tenggara dipengaruhi bangsa dan bahasa Austroasia. Dialek Melayu Patani di selatan negara Thai memperlihatkan pengaruh bahasa-bahasa Austroasia dalam pelbagai bidang semantik. Oleh itu kajian ini bertujuan mengkaji asal usul dan sejarah kata 'saroh' di Pattani, Thailand. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang terdiri daripada kaedah kepustakaan serta kaedah lapangan dan menganalisis data data menggunakan konsep linguistik perbandingan. Kaedah kepustakaan digunakan untuk mencari latar belakang sejarah, manakala melalui kaedah lapangan, pengkaji menggunakan teknik temu bual semi berstruktur. Seramai enam orang informan yang terlibat dalam kajian ini, iaitu tiga orang Melayu Patani dan tiga orang warga Kemboja. Lokasi kajian ialah Kampung Saroh yang terletak di daerah Yarang, Wilayah Pattani, Thailand. Dapatan awal dalam kajian ini menunjukkan bahawa kata saroh /sayɔh/ berasal daripada nama individu perempuan yang mula membuka kampung tersebut, iaitu 'Saro' /sarɔ/. Namun, perkataan 'saroh' /sayɔh/ juga merujuk takungan air atau paya. Kata tersebut adalah kata yang berasal dari bahasa Khmer iaitu ស្រះ 'srah' yang juga bermaksud paya atau kawasan takungan air. Kemudian kata tersebut berubah mengikut sebutan dialek Patani.

Kata kunci: Etimologi; asal usul kata; Saroh (Pattani); linguistik perbandingan; dialek Patani

ABSTRACT

Malay language belongs to the Austronesian language family. However, several Malay words are influenced by the Austroasian language group, namely Mon-Khmer. Based on history, the group occupied the Malay Peninsula four thousand years ago, at least a thousand years before the arrival of Austronesians (Bellwood 1997). Thus, it is understood that since ancient times, Southeast Asia has been influenced by Austroasian races and languages. Patani Malay dialect in southern Thailand shows the influence of Austroasian languages in various semantic fields. This study aims to trace the origin and history of the word 'saroh' in Pattani, Thailand. This study uses a qualitative approach consisting of library and field methods. Data were analyzed based on comparative linguistic concepts. The library method was used to find the historical background while the semi-structured interview technique was used as a field method. Six informants were involved in the study, three of whom were Patani Malay speakers, and the other three were Cambodians. The location of the study was Saroh Village located in the Yarang district of Pattani Province, Thailand. Preliminary findings of this study show that the word 'saroh' /sayɔh/ comes from the name of the first woman settler of the village, that is 'Saro' /sarɔ/. However, it was later found that the word 'saroh' /sayɔh/ is used to refer to reservoir or swamp. The name of the village is likely influenced by the Khmer language ស្រះ 'srah' which also means swamp or reservoir area. Then, the word changed according to the pronunciation of the Patani dialect.

Keywords: Etymology; Word origin; Saroh (Pattani); comparative linguistics; Patani dialect

PENGENALAN

Penamaan merupakan sebuah proses pelambangan sesuatu konsep. Begitu juga dengan penamaan sebuah daerah atau tempat yang memiliki latar belakang dan sejarah yang berbeza. Penamaan daerah bukan sekadar nama, tetapi lebih daripada

itu ia juga lebih untuk mengenal identiti dan latar belakang sesebuah daerah. Manusia memberi nama unsur-unsur linguistiknya sejak manusia berbudaya dan menetap di suatu tempat di muka bumi (Rais 2008: xi). Begitu juga dengan penamaan nama-nama tempat di Patani. Patani tergolong dalam rumpun bahasa Austronesia. Namun, terdapat sebilangan

kata yang dipengaruhi bahasa rumpun Austroasia, iaitu Mon-Khmer. Berdasarkan sejarah, kumpulan Austroasia sudah menduduki Semenanjung Melayu sejak empat ribu tahun lalu, sekurang-kurang seribu tahun sebelum kedatangan bangsa Austronesia (Bellwood 1997). Berdasarkan sejarah, sejak zaman purba lagi Asia Tenggara termasuk selatan negara Thai dipengaruhi bangsa Austroasia (Ruslan 1999).

Kajian ini akan mengkaji penamaan salah sebuah kampung yang terdapat di Pattani iaitu kampung 'Saroh' di daerah Yarang. Makalah ini akan membincangkan nama kampung 'Saroh' daripada perspektif etimologi. Berdasarkan penelitian etimologi ini, kajian ini akan menelusuri asal usul sebenar nama kampung Saroh yang terletak di daerah Yarang, wilayah Patani, Thailand. Hal ini demikian kerana menurut Collins (2003: 52), ilmu etimologi tidak hanya mencatatkan asal usul kata, malah memaparkan sejarah perkembangan kata tersebut, di samping menghubungkaitkannya dengan perkembangan bahasa dan masyarakat pada umumnya. Oleh itu, dalam meneliti sesuatu kata, kita perlu menelusuri sejarah dan latar belakang sesuatu kata yang dikaji.

DEFINISI ETIMOLOGI

Penelusuran sesuatu kata dalam linguistik dikenali dengan istilah 'etimologi. Lehman (1992: 3), menyatakan bahawa etimologi adalah kajian yang mengkaji tentang sejarah kata; "The study of the history of individual words is known as etymology". Justeru kajian etimologi bukan sekadar mencatat asal usul sesuatu kata tetapi ia turut memaparkan sejarah perkembangan kata tersebut yang dihubungkaitkan dengan kata yang dikaji itu dengan perkembangan bahasa dan masyarakat (Collins 2003: 52). Oleh itu, kajian etimologi bukan hanya menyenaraikan kata serapan atau kata pinjaman dalam sesuatu bahasa, namun berusaha untuk menelusuri perubahan bentuk dan makna melalui sejarah kata tersebut.

Di samping itu, untuk mentafsirkan etimologi, kita bukan hanya perlu memahami asal usul kata, kata kognat atau etimologi rakyat sahaja malah, pengkaji etimologi perlu memahami tentang nama bahasa yang digunakan. Menurut Jackson (2002:119) 'to interpret etymologies, not only do you need to understand what the various parts of the entry might signify, e.g. immediate origin, ultimate source, cognates, folk etymology, but you also need to be able to make sense of the language names used'. Begitu juga pandangan Judy Pearsall

(1998:77) yang menerangkan bahawa berdasarkan etimologi kita dapat mengetahui makna sebenar dan asal usul kata, 'The source of the 'true' or 'original' meaning of words lay in their etymologies'. Johnson (1755), pula menjelaskan "...an etymologist as 'one skilled in searching out the true Interpretation of Words', and saw etymology as exhibiting 'the Original of Words, in order to distinguish their true Meaning and signification.'"

Etimologi merangkum juga etimologi rakyat (folk etymology) yang juga disebut etimologi popular. Winer (1992) mentakrifkan etimologi rakyat sebagai satu hipotesis popular tetapi sebenarnya palsu tentang asal usul sesuatu kata apabila dilihat berdasarkan kesamaan fonologi atau makna kata yang melibatkan dua perkataan atau lebih. Matthew (1997) pula, menjelaskan bahawa etimologi rakyat merupakan satu proses yang berlaku apabila kata-kata dibentuk semula untuk menyerupai bentuk kata lain yang sudah sedia ada dalam sesuatu bahasa, iaitu menggantikan sesuatu kata yang tidak dikenal kepada yang lebih dikenal.

Collins (2018:8) pula mentakrifkan etimologi rakyat sebagai usaha memberikan pengertian baharu pada sesuatu kata yang merujuk kepada kata atau morfem yang sudah lazim dikenal. Kadang-kadang orang menciptakan etimologi untuk sesuatu kata dengan mereka-reka sejarah atau mempercayai persamaan palsu. Oleh itu, dengan mempelajari dan mengenal etimologi, kita akan mengetahui sejarah "suara kata" dan "arti aslinya" (Ngajenan 1987: 19).

Daripada huraian tentang etimologi di atas, boleh disimpulkan bahawa etimologi merupakan satu bidang atau kajian berkaitan asal usul dan sejarah sesuatu perkataan yang melibatkan penyelidikan tentang persejajaran sesuatu bahasa, baik daripada segi bentuk mahupun maknanya.

KAJIAN LEPAS

Kajian tentang asal usul kata atau etimologi lazimnya dikaitkan juga dengan toponimi. Collins (2003: 51,69) mengatakan bahawa "penelitian tentang asal usul kata atau etimologi Melayu sangatlah ketinggalan." Bagaimanapun, terdapat sarjana luar negara yang menyumbang kepada penulisan etimologi Melayu, antaranya termasuklah Nothofer (1975, 1984, 1996), Adelaar (1983, 1985, 1992, 1995) dan Collins (2003, 2018).

Collins (2001) telah meneliti etimologi kata 'Mika' dalam bahasa Melayu yang memberi maksud 'kata ganti diri kedua tunggal'. Beliau menjalankan

kajian melalui beberapa langkah iaitu, menghuraikan tentang latar belakang masalah, kemudian menentukan tarikh yang paling awal bagi wujudnya mika dalam teks Melayu. Beliau turut mengkaji penggunaan dan andaian kata ganti nama tersebut dalam varian Melayu se-Nusantara dan sumber asalnya. Teks yang berupa laporan percakapan yang diadakan di Kampung Larut, Perak pada bulan April, tahun 1872 digunakan untuk menentukan tarikh yang paling awal bagi penggunaan etimon itu. Teks tersebut tidak diubah-ubah atau dipindah oleh penyalin. Selain itu, teks klasik yang lain juga ikut diguna seperti Kisah Pelayaran dan Silsilah Melayu dan Bugis. Dapatan kajiannya mendapati bahawa mika berasal daripada bahasa Sanskerta, **mandala** + **-ka** → **mandalika** dan diberi makna ‘gelaran penguasa wilayah’. Beliau menyatakan bahawa Mika dituturkan di kawasan yang menghasilkan bijih timah sebagai upetinya iaitu, Perak. Selain itu, mika juga digunakan sebagai kata ganti diri kedua jamak dalam subdialek Hulu Terengganu. Dapatan kajian menjelaskan lagi bahawa kata **mendelika** sudah digunakan dalam bahasa Melayu sekurang-kurangnya pada akhir abad ke-13, dan wujud dalam tulisan Melayu pada tahun 1303, iaitu tujuh ratus tahun lalu. Namun demikian, **mendelika** ini bukan kata asli Melayu.

Manakala, Chong Shin (2015) turut mengkaji istilah-istilah yang berkaitan dengan ‘sagu’ dalam masyarakat Sarawak. Istilah yang dikumpulkan dibahagikan kepada empat kategori, iaitu (1) tumbuhan dan taksonominya; (2) proses penuaian; (3) aktiviti memproses dan produk makanannya; (4) aspek etno-budaya yang berkaitan. Huraian ke atas kelompok istilah persaguan ini dari pelbagai aspek, misalnya linguistik, etimologi, etnografi dan teknologi. Kajiannya dihasilkan berdasarkan data yang dikumpulkan dengan pendekatan kualitatif, iaitu melalui wawancara bersemuka dengan informan dan observasi langsung (Kampung Tabo dan Kampung Telian Tengah di Mukah). Informan diminta menyebut kata-kata tersebut dalam bahasa Melanau. Kajian tersebut bertujuan untuk mendokumentasikan dan menghuraikan istilah-istilah yang berkaitan dengan kaedah pemprosesan sagu. Kaedah-kaedah tersebut mencakupi penamaan-penamaan pada bahagian pohon rumbia, proses penuaian, tahap-tahap memproses sagu, perlatihan-perlatihan, hasil produk dan aspek etnolinguistik yang berkaitan. Dalam Proto Melayu-Polynesian (PMP), pohon rumbia direkonstruksi oleh Blust sebagai *Rumbia (lihat Tryon, 1994). Antara contoh

yang dimaksudkan ialah lubiya (Cebuano), rumbia (Malay), umbizo (Kadazan), tumba (Gorontalo), dan humbia (Sangir), lihat Dutton (1994). kognat ini juga dijumpai pada bahasa Melayu-Polnesia cabang timur, contohnya lapia (Asilulu di Indonesia timur), lihat Collins (2007). Manakala, dalam Wilkinson (1932), kata “balau” dalam bahasa Melayu yang wujud dalam bentuk kerja “membantu” bermaksud “mengupas”, ini sejajar dengan salah satu langkah memproses sagu.

Selain itu, kajian Etimologi Nama Negeri di Malaysia yang diketuai oleh Raja Masittah Raja Ariffin (2016) merupakan kajian etimologi rakyat yang mengkaji sejarah asal usul nama negeri-negeri di Malaysia, yang melibatkan kosa kata Melayu, baik kosa kata Melayu asli mahupun kata serapan daripada bahasa lain. Beliau menjelaskan asal usul kata dari sudut etimologi rakyat yang diteliti dengan menerapkan kaedah linguistik sejarah dan juga penerapan prinsip kesepadanan bunyi. Nama negeri-negeri yang dikajinya adalah negeri di Semenanjung Malaysia, termasuk Sabah dan Sarawak dan juga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya. Hasil kajiannya sangat menarik kerana terdapat unsur sumber Tai-Kadai dalam nama negeri di Malaysia yang membuktikan bahawa sudah lama wujudnya sejarah perhubungan Siam (Thai) dengan Malaysia.

Nazilah Mohamad, Karim Harun dan Nor Hasimah Ismail (2017) telah menghasilkan kajian etimologi terhadap perubahan makna dan sosial budaya dalam masa 200 tahun. Kajian tersebut membincangkan aspek makna dalam perkamusan Melayu pada abad ke-19 dan abad ke-21. Tujuan kajiannya untuk memperoleh gambaran tentang sebab perubahan makna berlaku dalam dua zaman, dan perubahan tersebut akan dibincangkan secara internal linguistik seperti morfologi, semantik dan eksternal linguistik seperti sosial dan sejarah. Bahan kajian yang digunakan dalam kajian tersebut ialah kamus abad ke-19, iaitu Kamus Marsden 1812 dan Kamus Dewan Edisi Keempat 2013 mewakili abad ke-20. Selain itu, Data Korpus DBP turut digunakan untuk menguatkan dapatan kajian. Data yang diperolehi dibincangkan secara asosiasi yang melihat perubahan makna kata. Dapatan kajiannya mendapati bahawa data kata jalang dan dendam mempunyai peluasan makna bersifat peyorasi, iaitu makna positif bertukar kepada makna negatif. Dapatan kajian tersebut menjelaskan bahawa faktor berlakunya penurunan makna disebabkan sejarah, peristiwa dan perubahan sosial budaya masyarakat.

Kajian Etimologi Bahasa Melayu Patani: Sumber Tai-Kadai dan Austronesia yang dikaji oleh Ruslan Uthai (1999) pula bertujuan untuk mengidentifikasikan dan mengklasifikasikan kata pinjaman daripada sumber Tai-Kadai dan Austroasia dalam bahasa Melayu Patani serta mengkaji proses peminjamannya. Seterusnya, kata-kata pinjaman daripada sumber Tai-Kadai dan Austroasia diperbandingkan dengan kata asal dari segi fonologi dan semantik serta menghuraikan perubahan bunyinya. Kajian beliau turut mengandaikan kronologi zaman peminjamannya. Kemudian, beliau memperkukuhkan data melalui kaedah wawancara dengan penutur asli bahasa berkenaan. Selain itu, Ruslan mengidentifikasikan kata pinjaman dengan tujuh kaedah iatu; melihat penyebaran kata-kata seasal atau kognat dengan kata andaian itu dalam bahasa Melayu dan bahasa sumber dialek lain, menyemak kata-kata purba bagi setiap Bahasa, melihat ciri-ciri fonem, sistem morfologi dan struktur kata, memerhatikan perubahan dari segi bunyi, mengkaji maklumat perkembangan bidang-bidang tersebut pada masyarakat yang bertutur, menganalisis struktur kata dan memerhatikan rumus fonologi.

Hasil kajiannya menunjukkan bahawa rumpun Austronesia merupakan sumber utama bagi kata pinjaman dalam bahasa Melayu Patani dengan jumlah 116 perkataan, terdiri daripada 90 perkataan bahasa Khmer, 24 perkataan bahasa Mon dan 2 perkataan bahasa Kensiw. Sesetengah kata Khmer dipinjam ke dalam bahasa Melayu Patani melalui bahasa Thai Tengah dan bahasa Thai Selatan. Manakala kata pinjaman daripada sumber Tai-Kadai didapati 69 perkataan, terdiri daripada 44 perkataan bahasa Thai Tengah, 6 perkataan bahasa Thai Selatan dan 19 perkataan yang tidak dapat ditentukan daripada bahasa Thai Tengah atau bahasa Thai Selatan. Dari segi fonologi dan semantik, sesetengah kata pinjaman Tai-Kadai dan Austroasia dalam bahasa Melayu Patani sama dengan kata asal dan sesetengahnya berbeza. Kemasukan kata-kata pinjaman didapati terjadi pada zaman yang berbeza; bahasa Mon dan Kensiw pada abad ke-7; bahasa Khmer pada abad ke-8 hingga 20, bahasa Thai Selatan pada abad ke-13 hingga 14; dan bahasa

Thai Tengah pada abad ke-15 hingga sekarang. Kini kemungkinan besar bahawa kata pinjaman Tai-kadai bertambah menyerap ke dalam dialek Melayu Patani kerana peralihan zaman dan pengaruh bahasa Thai yang sangat kuat terhadap dialek tersebut.

Kajian-kajian yang dibincangkan di atas merupakan kajian yang memanfaatkan pendekatan linguistik bandingan. Selain itu, terdapat juga kajian terhadap kata pinjaman yang dijalankan berdasarkan pedoman kajian etimologi. Kajian-kajian di atas, menyebabkan pengkaji berusaha untuk menjalankan penelitian terhadap asal usul nama kampung Saroh. Saroh adalah nama suatu kampung yang dikelilingi oleh kampung-kampung yang bersejarah di Patani.

MASYARAKAT KAMPUNG SAROH

Masyarakat Melayu Patani terdiri daripada orang Melayu peribumi dan orang Melayu dari Semenanjung Tanah Melayu yang tinggal di kawasan Wilayah Sempadan Selatan Thailand (WSST). Masyarakat Melayu yang tergolong dalam kelompok ini adalah mereka yang tinggal di wilayah Pattani, Yala, Narathiwat, dan beberapa daerah di dalam wilayah Songkhla. Selain itu, wilayah-wilayah yang bersempadan dengan Pattani dan Yala, misalnya daerah Sabayoi, Tepha atau Tiba, Nathawee, Chanak atau Chenak dan Sadau juga dikenali sebagai masyarakat Melayu Patani (Worawit Baru@Ahmad Idris 1990:1).

Pattani merupakan wilayah yang luas, iaitu kira-kira 2110 kilometer persegi. Wilayah Pattani terletak di bahagian selatan negara Thailand, iaitu pada garisan lintang antara 6^o, 5^o dan 7^o di utara khatulistiwa. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya tertumpu kepada sebuah kampung sahaja (Peta 1). Bahagian selatan Pattani pula bersempadan dengan wilayah Yala dan wilayah Narathiwat. Bahagian utaranya pula bersempadan dengan Teluk Siam (Aau Thai). Pada bahagian baratnya pula, wilayah Pattani bersempadan dengan wilayah Songkla dan di bahagian timurnya pula bersempadan dengan Teluk Siam atau Aau Thai. Rajah di bawah menunjukkan peta wilayah Pattani.



RAJAH 1. Peta Wilayah Pattani, Thailand

Masyarakat Melayu Patani merupakan kelompok etnik yang mengamalkan cara hidup yang berbeza dengan majoriti penduduk negara Thailand. Kelompok etnik ini mengamalkan budaya Melayu yang berteraskan ajaran agama Islam. Mereka berpakaian seperti orang Islam lain dan mengamalkan adat istiadat Melayu. Perbezaan daripada aspek bahasa juga dapat membezakan antara masyarakat Melayu Patani dengan masyarakat Thailand. Masyarakat Melayu Patani menggunakan dialek Melayu Patani, tetapi masyarakat Thai pula menggunakan bahasa Thai dalam komunikasi harian mereka. Selain itu, perbezaan cara hidup juga ketara dalam kalangan masyarakat Melayu Patani dengan masyarakat Thai. Masyarakat Melayu Patani menjalani cara hidup berteraskan adat resam Melayu dan agama Islam, manakala masyarakat

Thai pula menjalani kehidupan berdasarkan adat resam Buddha.

Masyarakat di kawasan kajian iaitu kampung Saroh, terletak di daerah Yarang, Wilayah Patani. Kawasan ini adalah kawasan yang bersejarah. Terdapat beberapa candi dan bukti sejarah zaman silam di kawasan ini. Pada tahun 1988-1994, Chusiri Charmonman seorang pengkaji dalam bidang sejarah di Universiti Silpakorn bersama ahli arkeologi telah menggali dan memulihkan semula tapak purba yang ditemui tersebut hingga sekarang. Bukti-bukti sejarah yang terdapat tidak jauh dari kawasan kajian iaitu di kampung Wat, kampung Prawae, dan kampung Calek. Bukti-bukti tersebut dipercayai bahawa tempat tersebut adalah ibu kota Langkasuka sebelum pindah ibu kota ke Kresek, Pattani sekarang.



RAJAH 2. Kawasan tapak arkeologi



RAJAH 3. Tapak arkeologi Kota Langkasuka

Tapak arkeologi Langkasuka ini terletak di kampung Calek, kawasan Mukim Wat, daerah Yarang, wilayah Patani (Rajah 2). Tapak tersebut mempunyai lebih kurang 9 kilometer persegi luasnya. Bukti-bukti yang terdapat adalah candi-candi Hindu-Buddha, kota lama, benteng dan parit di sekelilingnya. Kota-kota tersebut dipercayai bahawa dibina pada zaman pemerintahan Patani abad 1-7 sebelum kedatangan Islam ke kawasan ini.

Manakala kampung Saroh, kampung yang terletak di sempadan Kampung Wat dan tidak jauh dari Kampung Calek. Berdasarkan sejarah, kota Purba Kampung Wat dipercayai bahawa adalah kota pertama yang wujud di kawasan itu. Kota kampung Wat merupakan sebuah kota Buddha yang makmur pada masa dahulu. Pada segi bentuk kota adalah bersegi empat dan dikelilingi parit. Selain itu, terdapat tiga buah kolam purba di sebelah barat kota Wat. Kampung Saroh pada masa tersebut terletak di sekitar kawasan parit, paya atau kolam.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan menghuraikan etimologi kata 'Saroh', iaitu nama sebuah kampung di daerah Yarang, wilayah Pattani, Thailand. Pada umumnya, para sarjana yang membincangkan asal usul sesuatu kata itu, lazimnya membabitkan etimologi rakyat, seperti pengertiannya yang telah dijelaskan sebelum ini. Kajian ini juga akan membincangkan pembentukan dan pewujudan kata 'Saroh' itu sama ada mempunyai hubungan dengan etimologi rakyat dalam kalangan masyarakat penuturnya di wilayah Pattani atau kata tersebut diserap daripada sumber bahasa rumpun lain yang mempengaruhi bahasa tempat kajian.

METODOLOGI KAJIAN

Penelitian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang terdiri daripada kaedah kepustakaan dan kaedah lapangan. Kaedah kepustakaan digunakan untuk mencari latar belakang sejarah, manakala melalui kaedah lapangan, pengkaji menggunakan teknik temu bual. Daripada kajian kepustakaan, maklumat penting tentang kata saroh juga diperoleh dengan membuat rujukan khusus terhadap kamus ekabahasa, kamus dwibahasa, kamus etimologi, kamus dialek Patani dan kamus Bahasa Khmer online. Untuk kaedah lapangan, pengkaji memilih enam orang informan dalam kajian ini. Untuk

mendapatkan maklumat etimologi rakyat, pengkaji pergi ke lapangan untuk memperoleh data. Informan pertama yang pengkaji temu bual ialah imam masjid di kampung tersebut yang berumur 62 tahun dan merupakan penduduk asli di situ. Bekas imam kampung tersebut yang berusia 92 tahun pula menjadi informan kedua. Informan ketiga dan keempat pula terdiri daripada dua orang mahasiswa yang berasal dari kampung tersebut. Temu bual dengan dua orang mahasiswa ini adalah bertujuan untuk memastikan cerita tentang asal usul kampung Saroh masih diceritakan kepada generasi muda atau cerita tersebut sudah tidak diketahui oleh mereka. Untuk mendapat maklumat tambahan, pengkaji juga turut menemu bual informan kelima yang berusia 100 tahun yang merupakan salah seorang tuan guru yang terkenal di Patani dan merupakan orang yang mempunyai ilmu agama dan sejarah. Dalam usaha melengkapkan data yang dikumpulkan, pengkaji juga meneliti data yang telah dikumpul melalui temu bual dengan penutur asli bahasa Khmer iaitu seorang warga Kemboja. Oleh itu, informan keenam ialah Pengetua Sekolah Bersepadu, Kemboja yang juga seorang pakar dalam bidang sejarah dipilih sebagai mewakili penutur bahasa Khmer. Teknik tinjauan dan pemerhatian di lapangan turut digunakan oleh pengkaji untuk membantu dalam penganalisan data.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Pemilihan nama kampung yang menggunakan kata yang berasal daripada seorang perempuan adalah tidak sejajar dengan budaya dan masyarakat Patani. Pada sudut agama, majoriti penduduk di Patani beragama Islam. Dalam agama Islam, kaum lelaki lebih digalakkan menjadi pemimpin daripada kaum perempuan. Pada sudut budaya dan masyarakat, orang Melayu Patani lebih mengutamakan lelaki untuk memainkan peranan sebagai seorang pemimpin. Oleh itu, kebanyakan nama kampung di wilayah Patani dinamakan dengan nama lelaki seperti Basaniseng (Bangsal Nik Seng), Basapokde (Bangsal Pak De), Basa Cik Hak (Bangsal Cik Hak) dan Basawokseng (Bangsal Wok Seng). Nama kampung yang menggunakan nama perempuan pula tidak digunakan kecuali nama kampung Saroh. Penggunaan nama kampung yang berdasarkan nama individu seperti kampung 'Saroh' lebih mudah dikesan asal usulnya kerana jika diberi nama berdasarkan nama individu, sudah pasti warisan atau keluarga individu tersebut masih ada atau tinggal

di kawasan tersebut. Namun begitu, berdasarkan penelitian dan temu bual yang dilakukan, pengkaji mendapati tidak ada penduduk kampung tersebut yang mengaku berketurunan atau ada hubungan dengan nama saroh.

Dari aspek geografi pula, biasanya nama kampung Melayu dinamakan berdasarkan aspek geografi seperti, botani, sungai, pokok, dan keadaan tanah. Keadaan ini ditemui di daerah yang sama dengan kampung 'Saroh' seperti kampung 'Perigi' yang terdapat beberapa buah perigi yang bersejarah di kawasan tersebut. Manakala, kampung 'Kolam' yang terletak di kawasan bersejarah dan dipercayai bahawa pernah menjadi ibu kota yang dikelilingi parit dan beberapa buah kolam. Selain itu, Kampung 'Kubang Badak' yang dipercayai banyak badak apa masa dahulu atau kampung 'Sano' yang banyak pokok 'sena' di kawasan itu.

Berdasarkan kepada hasil temu bual dengan informan, pengkaji mendapati terdapat dua pendapat yang berbeza tentang asal usul kata kampung Saroh. Pendapat pertama menyatakan bahawa perkataan 'Saroh' /sayoh/ berasal daripada nama individu yang mula membuka kampung tersebut. Pendapat ini diberikan oleh responden pertama yang menceritakan bahawa asal usul nama kampung Saroh berasal daripada seorang perempuan yang berasal dari daerah Yarang (ibu kota bagi kampung Saroh) yang bernama Saro /sarɔ/. Menurut beliau, pada masa dahulu, kawasan kampung Saroh ini merupakan hutan dan tiada perumahan. Informan pertama ini turut menjelaskan perubahan kata Saro /sarɔ/ kepada Saroh /sayoh/. Kata Saro ini dikatakan berubah menjadi Saroh disebabkan oleh pengaruh Arab. Pengaruh bahasa Arab ini dapat dilihat berdasarkan penambahan huruf /h/ pada akhir kata. Perubahan ini sejajar dengan daerah ini yang menerima agama Islam. Perubahan huruf /r/ pula berlaku mengikut proses perubahan dalam dialek Patani, iaitu /r/ kepada /ɣ/. Perubahan ini menjadikan Saro /sarɔ/ menjadi Saroh /sayoh/. Pandangan yang sama juga turut dikongsi oleh responden kedua, iaitu bekas imam masjid di kampung tersebut. Beliau menyatakan bahawa nama kampung Saroh berasal daripada nama individu iaitu seorang perempuan yang bernama Saro /sarɔ/. Begitu juga dengan dapatan daripada temu bual dengan responden ketiga dan keempat yang merupakan mahasiswa yang berusia lebih kurang 20 tahun yang turut mempunyai pendapat yang sama.

Pendapat yang berbeza tentang nama kampung Saroh diberikan oleh responden kelima, iaitu seorang

tuan guru yang terkenal di Patani yang berusia 100 tahun. Beliau menyatakan bahawa perkataan 'Soroh' /sayoh/ atau 'dalam Saroh' /dale/ /sayoh/ digunakan untuk menamakan kawasan yang bertakungan air, paya atau kolam. Menurut beliau, sebelum kawasan tersebut dibangunkan dengan rumah dan kebun seperti yang ada sekarang, kawasan tersebut asalnya merupakan kawasan berair dan berpaya.

Berdasarkan hasil temu bual tersebut ternyata terdapat dua pendapat yang berbeza tentang nama asal usul kampung Saroh. Pendapat pertama yang menyatakan bahawa nama kampung saroh berasal daripada nama seorang individu perempuan dan nama ini pula mendapat pengaruh bahasa Arab. Berdasarkan analisis yang dilakukan, pengkaji mendapati penambahan bunyi geseran /h/ yang dikatakan sebagai pengaruh daripada bahasa Arab bukan merupakan ciri dialek Melayu Patani. Penambahan bunyi 'h' (geseran glotis bersuara) pada akhir kata memang berlaku dalam bahasa Arab, tetapi ciri bunyi ini bukan ciri-ciri dialek Melayu Patani. Jika perkataan 'saro' adalah kata pinjaman daripada bahasa Arab, bunyi /r/ akan dikekalkan dan tidak berubah menjadi /ɣ/ (nama peribadi). Dengan kata lain, seseorang perempuan yang bernama 'Saro' atau 'Saroh' tidak berubah menjadi 'Sayɔ' atau 'Sayoh'. Pengekalan /r/ di tengah kata ini dapat dilihat dalam contoh berikut:

JADUAL 1. Kata pinjaman Arab dalam dialek Patani yang mengekalkan /r/ di tengah kata

faru	/faru/
maghrib	/ɲoreʔ/
marwah	/maruwɔh/
mabruk	/mabuk/
haram	/hare/

Pendapat kedua pula menyatakan bahawa kata saroh adalah berasal daripada kawasan yang bertakungan air, paya atau kolam. Dalam bahasa Thai terdapat terdapat dua nama wilayah di kawasan tengah negara Thailand yang hampir sama iaitu wilayah 'Saraburi' (สระบุรี /sàràburi:/) dan 'Sakeow' (สระแก้ว /sàʔkê:o/) Mengikut sejarah, wilayah 'Saraburi' ditubuhkan pada tahun 1549 (2092 Budiah). Wilayah tersebut terletak di kawasan takungan air atau paya. Nama wilayah ini terdiri daripada dua perkataan iaitu 'sara' (สระ, paya) dan 'buri' (บุรี, puri) digabungkan menjadi 'Saraburi' (kota di kawasan paya). Manakala, satu wilayah lagi ialah wilayah 'Sakeow'. Wilayah ini ditubuhkan

pada tahun 1780 (2323 Budiah) setelah wujudnya wilayah Saraburi 231 tahun. Nama wilayah Sakeow juga terdiri daripada dua suku kata iaitu ‘Sa’ (सर, paya) dan ‘keow’ (kaca, gelas). Jika diperhatikan perkataan ‘Sara’ dan ‘Sa’ yang mempunyai tulisan yang sama dalam bahasa Thai (सर,सर) dan mempunyai maksud yang sama, namun sebutan sudah berbeza.

Perkataan saroh juga terdapat dalam kamus Wilkinson (1932). Perkataan ‘saroh’ ditakrifkan sebagai ‘a shrub, river sandbanks in the interior of Malaya’. Begitu juga dalam Kamus Pendeta Diraja Thai (2554), ‘सर’ /sà?/ memberi maksud ‘lembangan atau kolam’. Definisi dalam kedua-dua kamus ini adalah sejajr dengan pendapat kedua yang menyatakan bahawa kampung ‘Saroh’ atau ‘Dalam Saroh’ adalah kawasan takungan air dan kawasan semak. Maklumat daripada Kamus Wilkinson (1932) dan kamus Pendeta Diraja (2554) disahkan lagi dengan hasil temu bual dua orang warga Kemboja. Mereka menjelaskan bahawa terdapat perkataan ស្រះ ‘srah’ yang bermaksud lembangan atau tempat takungan air. Oleh itu, berdasarkan analisis yang telah dilakukan pengkaji berpendapat bahawa perkataan ‘Saroh’ mempunyai hubungan dengan aspek geografi. Selain itu, Chusiri Canmoraman bersama ahli arkeologi dari Universiti Silapakorn (1983), telah membuktikan bahawa kawasan sekitar kampung Saroh adalah kawasan kota budda purba yang dikelilingi parit dan beberapa buah perigi di kelilingnya (lihat Rajah 2).

Perkataan ‘Saro’ sangat mirip dengan kata dalam bahasa Khmer iaitu ស្រះ (srah). Berdasarkan sejarah perhubungan antara bahasa Melayu Dialek Patani dengan Bahasa Khmer, kata ‘Saroh’ adalah berasal daripada sumber bahasa Austroasia iaitu bahasa Khmer. Kemudian kata tersebut berubah mengikut proses dialek Patani iaitu dalam lingkungan akhir kata, h dalam dialek Melayu Patani mempunyai kesejajaran dengan bunyi h dan s dalam bahasa standard. Jika kesejajarannya itu h, maka a yang mendahuluinya itu mengalami perubahan pada nilai bunyinya. Tetapi perubahan yang seperti ini tidak berlaku jika kesejajarannya itu merupakan bunyi s. Contohnya, /saləh/ ‘salah’, /mayəh/ ‘marah’.

Menurut Ruslan (1999), vokal kuno *a pada suku kata praakhir dalam kata asal berubah menjadi /a/ dalam dialek Melayu Patani jika di dahului gabungan konsonan seperti contoh, *srakeŋ (selerak) apabila dipinjam ke dalam dialek Patani akan menjadi /səyeken/ (selerak). Berdasarkan analisis Ruslan (1999), perkataan /srah/ dalam

bahasa Khmer akan menjadi /səyoh/ jika dipinjam ke dalam dialek Melayu Patani. Untuk mengelakkan berlakunya homofon antara /səyoh/ yang dimaksudkan ‘serah’, kata pinjaman /srah/ dipinjam ke dalam dialek Patani dalam bentuk /sayoh/. Kata ស្រះ (srah) dipinjam ke dalam dialek Patani pada Zaman Kuno (ancient Khmer).

Pada dasarnya, pengguguran konsonan frikatif /h/ ini didapati berlaku pada lingkungan awal dan tengah kata (Rohani Mohd Yusof 1999:330). Berdasarkan pemerhatian terhadap DMP, didapati gejala yang sama turut berlaku. Sebaliknya kedudukan konsonan /h/ pada lingkungan akhir kata, rata-ratanya adalah tetap. Seperti, /yoməh/ ‘rumah’, /basəh/ ‘basah’. Oleh itu, perkataan ‘Saroh’ berkemungkinan besar berasal daripada bahasa Khmer. Hal ini, didasarkan kepada penjelasan dan huraian yang telah dibuat terhadap perbandingan bahasa dan sejarah bahasa. Kata pinjaman Khmer dalam dialek Patani akan mengekalkan bunyi /h/ di akhir kata seperti contoh berikut:

JADUAL 2. Kata pinjman Khmer dalam dialek Patani

Bahasa Khmer	Dialek Patani	
/t ^h luh/	/təluh/	‘tembus’
/t ^h a:h/	/tah/	‘besan’
/k ^h veh/	/kuih/	‘menyingkirkan menggunakan angan’

Oleh itu, perkataan ‘Saroh’ adalah berasal daripada bahasa Khmer. Hal ini, didasarkan kepada penjelasan dan huraian yang telah dibuat terhadap perbandingan bahasa dan sejarah bahasa. Manakala, Campbell (1996) menegaskan lagi bahawa penyebaran -at dan -h pada akhir kata pinjaman Arab bukan dilakukan secara sewenang-wenang tetapi dilakukan secara bersistem. Dengan kata lain, orang Melayu tidak menambahkan -h sewenang-wenang, walaupun wujudnya -h dan -t sukar diramalkan.

KESIMPULAN

Berdasarkan data yang dibahas melalui kaedah etimologi, nama kampung tersebut diserapkan daripada bahasa Khmer iaitu ស្រះ /sreah/ yang bermakna ‘paya, kawasan takungan air’. Kata sreah ini telah berubah menjadi /sayoh/ sesuai dengan sebutan dialek Patani. Dalam kajian etimologi, sumbangan data daripada informan sangat penting kerana ada kalanya maklumat yang diberikan oleh

informan dapat digunakan sebagai petunjuk untuk membantu para pengkaji etimologi menelusuri sesuatu kata. Tanpa maklumat daripada informan, mustahil persoalan dan keinginan untuk menjalankan penelitian akan timbul. Oleh itu dengan etimologi rakyat kita mendapat panduan untuk menelusuri kata yang sebenarnya. Walaupun, dapatan yang didapati dalam kajian ini tidak selaras dengan etimologi rakyat seperti yang diperkatakan oleh informan, iaitu nama kampung Saroh berasal daripada nama seorang individu yang mula membuka kampung tersebut tetapi maklumat yang diberikan oleh informan telah membantu menentukan etimologi kata 'Saroh' / sayoh/ yang sebenarnya, iaitu menerima pengaruh bahasa Khmer iaitu ស្រាវ /srah/ dan sebutannya juga berubah mengikut sebutan dialek Patani. Kedua-dua perkataan tersebut bermaksud paya, lembangan atau tempat takungan air. Berdasarkan bukti sejarah juga jelas menunjukkan bahawa perhubungan sosial antara penutur bahasa Khmer dengan penutur dialek Melayu Patani sudah bermula sejak zaman kuno lagi.

RUJUKAN

- Asmah Haji Omar 1995. Rekonstruksi Kata dalam Bahasa Melayu Induk. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. 2015. Surur Galur Bahasa Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Adelaar, K.A. 1992. Proto-Malayic: The Reconstruction of Its Phonology and Part of Its Lexicon and Morphology. Alblasterdam: Offsetdrukkerij Kanters B.V.
- Amran Kasimin. 1987. Perbendaharaan Kata Arab dalam Bahasa Melayu. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Antilla, R. 1972. An Introduction to Historical and Comparative Linguistics. New York: The Macmillan Company.
- Bellwood, P. 1997. Prehistory of the Indo-Malaysian Archipelago. Cetak ulang. Honolulu: University of Hawai'i Press.
- Blust, R. A., 1986. Malay Historical linguistics: A progress report. Dlm. Bengkel Antarabangsa Sejarah Bahasa Melayu, 19-21 Ogos 1986: Kuala Lumpur.
- Blust, R. A. 1986. Austronesian etymologies-III. *Oceanic Linguistics* 25(1-2):1-123.
- Bynon, T. 1977. *Historical Linguistics*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Campbell, S. 1966. The Distribution of -at and -ah Endings in Malay Loanwords from Arabic. *Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde* 152(1): 23-44.
- Chong Mun Wah. 1997. *Kamus Etimologi Bahasa Melayu*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Snd. Bhd.
- Collins, J. T, 1989. Notes on the language of Taliabo. *Oceanic Linguistics* 28: 75-95.
- Collins, J.T. 1996. Kata-kata serapan bahasa Eropah dalam bahasa Melayu dan bahasa Indonesia: Tantangan ilmiah. Dlm. Setiawati Darmojuwono, Lilie Suratminto & Kees Groeneboer (pnyt.). 25 Tahun Studi Belanda di Indonesia, hlm 491-519. Depok: Universitas Indonesia.
- Collins, J. T. 1999. *Wibawa Bahasa Kependidikan dan Kepelbagaian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, J.T. 2001. *Etimologi Bahasa Melayu: Mika*, dlm. *Dewan Bahasa* 1:11.
- Collins, J. T. 2002. Lexicography and the OED pioneers in the untrodden forest: dari sudut leksikografi dan perspektif sejarah linguistik. *Majalah Bahasa* 2(3): 20-27.
- Collins, J. T. 2003. *Mukadimah Ilmu Etimologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, J. T. 2018. *Mukadimah Ilmu Etimologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Crystal, D. 1992. *A Dictionary of Linguistics and Phonetics*. Oxford: Blackwell.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Pendeta diraja Thai*. (2013). Bangkok. Nanmeebooks
- Lehmann, W.P. 1962. *Historical Linguistics: An Introduction*. New York: Rinehart and Winston.
- Lyons, John, 2003. *Language and Linguistics*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Malkiel, Y. 1993. *Etymology*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Muhamad Abdul Jabbar Beg. 1977. *Arabic Loan-Words in Malay: A Comparative Study*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nathesan, S, 2015. *Etimologi Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nazilah Mohammad, Karim Harun, Norhasimah Ismail. 2017. Perubahan makna dan sosial budaya dalam masa 200 tahun: penelitian terhadap perkamusan kamus Melayu. *Pertanika MAHAWANGSA. Jurnal Pertanika Bahasa, Budaya dan Warisan Melayu* 4(1): 49-62.
- Ngajenan, Mohammad. 1987. *Kamus Etimologi Bahasa Indonesia*. Semarang: Dahara Prize.
- Noresah Baharom, sunt. 2009. *Kamus dan Perkamusan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Northofer, B. 1996. *Migrasi Orang Melayu Purba: Kajian Awal*. Kertas Kerja dalam Fourth Biennial Conference of the Borneo Research Council. Bandar Seri Begawan, Brunei, 10-15 Jun 1996.
- Rais, Jacob dkk. 2008. *Toponimi Indonesia: Sejarah Budaya Bangsa yang Panjang dari Permukiman Manusia & Tertib Administrasi*. Jakarta: Pradnya Paramita.

- Raja Masittah Raja Ariffin, Che Ibrahim Salleh, Nor Azlina Mohd Kiram, & Hasnah Mohammad. 2016. *Etimologi Nama Negeri di Malaysia*. Universiti Putra Malaysia: Serdang.
- Ross A.S.C. 1958. *Etymology with Special Reference to English*. London: Andre Deutsch Ltd.
- Rohani Mohd. Yusuf. 1986. *Dialek Kuala Kangsar: Satu Kajian Perbandingan Fonologi*. Tesis Ijazah Sarjana Sastera. Jabatan Pengajian Melayu. Universiti Malaya.
- Ruslan Uthai. 1993. *A Comparison of Formation in Standard Malay and Pattani Malay*. Thesis M.A. Bangkok : Chulalongkorn University.
- Ruslan Uthai. 2011. *Keistimewaan Dialek Melayu Patani*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sawvane Jitmond. 1988. *Ethnic Group: Thai Muslim*. Bangkok: Kongthun Sanga Ruji Amporn.
- Suwardi Notosudirjo. 1978. *Etimologi*. Jakarta: Mutiara.
- Uthai, R. 1999. *Etimologi Bahasa Melayu Patani: Sumber Tai-Kadai dan Astronesia*. Tesis Ph.D. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wilkinson, R.J. 1932. *A Malay-English Dictionary*. Greece: Salavopoulos and Kinderlis.
- Winer, L. 1992. *Folk Etymology in Trinidad and Tobago Lexicography*. New York: Garland Publishing Inc.
- Worawit Baru. 1990. *Pengaruh bahasa Thai ke atas dialek Melayu Patani: kajian kes sosiolinguistik di wilayah Pattani*. Tesis M.A. Universiti Malaya.
- Aaesoh Mani. 2019. *Sejarah nama kampung Saroh, Pattani, Thailand*. Temu bual, 20 Mei.
- Sary Soi. 2019. *Istilah kata dalam bahasa Khmer*. Temu bual, 6 Jun.
- Prof. Madya Dr. Muhamad Zain Musa. 2019 *Istilah dan sejarah bahasa Khmer*. Temu bual, 8 Jun.
- Rohani Pooteh
Fakulti Kemanusiaan dan Sains Kemasyarakatan,
Universiti Prince of Songkla,
Kampus Pattani, Thailand
Rohani.p@Psu.ac.th
- Karim Harun (Correspondence Author)
Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu
Sains Sosial & Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia
Universiti Kebangsaan Malaysia 43600 UKM Bangi
Selangor Malaysia
Linguist@Ukm.edu.my
- Maslida Yusof
Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu
Sains Sosial & Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia
Universiti Kebangsaan Malaysia 43600 UKM Bangi
Selangor Malaysia
Maslida@Ukm.edu.my
- James T. Collins
Institusi Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia
Universiti Kebangsaan Malaysia
Universiti Kebangsaan Malaysia 43600 UKM Bangi
Selangor Malaysia
Jtcukm@Yahoo.com

TEMU BUAL